

TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI
JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) &
PEMIMPIN TEMPATAN BERSAMA MENTERI**

28 JULAI 2016 (KHAMIS)

**PUSAT KEGIATAN MASYARAKAT,
SHAH ALAM , SELANGOR DARUL EHSAN**

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W, kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam Majlis Sambutan Hari Raya Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) pada tahun ini.

2. Saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua dif-dif jemputan kerana sudi meluangkan masa bersama kami untuk menghadirkan diri ke majlis ini dengan penuh rasa muhibbah, dalam suasana mesra dan terbuka.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati sekalian,

3. Saya juga mengucapkan selamat bertugas kepada Ketua Pengarah KEMAS yang baru iaitu Tuan Haji Amiruddin bin Ariffin. Beliau yang sebelum ini merupakan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) di KEMAS dan telah memulakan tugas secara rasmi berkuatkuasa pada 01 Julai 2016 yang lalu.

PERLINDUNGAN INSURANS KEPADA KANAK-KANAK TABIKA/ TASKA KEMAS

4. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk membantu dan meningkatkan tahap pendidikan negara diperingkat prasekolah. Dari tahun ke tahun, kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tidak pernah gagal membantu melaksanakan tanggungjawab sosial kepada semua masyarakat bagi tujuan meningkatkan tahap pendidikan anak-anak dari semasa ke semasa, ini menunjukkan bahawa kerajaan komited dan sentiasa meletakkan golongan kanak-kanak prasekolah sebagai aset penting negara. Si cilik hari ini merupakan generasi yang akan menentukan hala tuju negara pada masa akan datang.

5. Dalam majlis ini juga saya berpeluang untuk menyampaikan Pampasan Insurans Takaful kepada waris Allahyarham Adik Mohd Naufal Bin Mohd Mohd Rozani (6 tahun) dari Tabika KEMAS Cahaya Bedena, Panchang Bedena, Sungai Besar, Selangor Darul Ehsan yang telah meninggal dunia akibat kemalangan jalanraya pada 13 Mei 2016 berjumlah RM21,000.00.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Di KEMAS semua kanak-kanak Tabika dan Taska PERMATA KEMAS dilindungi Insurans 24jam.

Data bilangan kanak-kanak

- a. Taska PERMATA KEMAS – 9,355 orang kanak-kanak
- b. Tabika KEMAS – 221,143 orang kanak-kanak

KUTIPAN YURAN :

- a. minimum RM3.00 hingga RM10.00– sekali semasa pendaftaran masuk ke Tabika/Taska PERMATA KEMAS
- b. insuran yang diiktirafkan oleh kerajaan

KENAPA KANAK-KANAK PERLU DIINSURANKAN

- Keprihatinan KEMAS terhadap keselamatan kanak-kanak
- Sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini kanak-kanak akan dilindungi
- Sebagai keyakinan ibubapa untuk menghantar anak hadir belajar di Tabika / Taska PERMATA KEMAS

7. Di dalam majlis ini juga KEMAS turut meraikan Kanak-Kanak Tabika yang cemerlang dalam bidang Akademik seramai 4 orang. Semoga ianya akan menjadi pemangkin kepada anak-anak kecil ini untuk terus melakar kejayaan dalam bidang akademik mahupun ko-kurikulum.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Kepada kakitangan KEMAS Selangor seramai 7 orang yang bakal menyertai jemaah haji bagi menunaikan rukun Islam ke-5 pada tahun ini, saya mengucapkan selamat menunaikan ibadah haji dan semoga mendapat haji yang mabrur.

9. Saya juga mewakili pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta pihak Kerajaan mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada seramai 11 orang kakitangan KEMAS yang telah dan akan bersara wajib dalam perkhidmatan awam pada tahun ini. Sesungguhnya usaha murni tuan-tuan dalam membantu menyampaikan dasar-dasar Kerajaan ke peringkat akar umbi amat dihargai. Semoga peranan yang dimainkan oleh KEMAS ini akan terus bersemarak di bawah kepimpinan Ketua Pengarah yang baru iaitu Tuan Haji Amiruddin bin Ariffin.

10. Dengan itu, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh warga KEMAS, barisan kepimpinan Masyarakat Tempatan serta semua yang hadir dalam majlis Ramah Mesra Aidilfitri KEMAS pada tahun ini.

Akhir kata, Sekian Wabillahitawfiq wal hidayah,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh